

## KHUTBAH JUMAAT

### “RAPATKAN SAF, PERKUKUHKAN KESATUAN” (17 April 2026M/ 28 Syawal 1447H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا، وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dan inilah intipati takwa. Mudah-mudahan kita peroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat yang kehidupannya tiada pengakhirannya.

Berikan tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari perkara-perkara *lagha*, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan. Pada hari yang berkat ini, mimbar ingin mengupas satu tajuk yang sangat relevan dengan situasi semasa, iaitu “**Rapatkan Saf, Perkuuhkan Kesatuan**”.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam ialah agama yang sejahtera. Islam menekankan prinsip kesejahteraan dalam segenap aspek kehidupan makhluk. Malah perkataan 'Islam' itu sendiri berasal daripada perkataan *as-salam* yang membawa makna sejahtera. Kesejahteraan yang dimaksudkan ini merangkumi akidah yang benar, jiwa yang tenang, emosi yang stabil serta hidup yang aman dan selamat.

Atas dasar dan prinsip inilah, Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa mencintai keamanan serta menggalakkan sesama manusia ke arah menjalani kehidupan yang aman dan damai. Inilah antara tujuan Allah *subhanahu wata'ala* mengutuskan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, iaitu membawa rahmat ke seluruh alam, Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anbiya', ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (١٠٧)

**Maksudnya;** *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Keamanan bukan sahaja anugerah, bahkan keperluan asas dalam Islam yang meliputi pelbagai aspek kehidupan. Ia bukan sahaja bermakna tiada peperangan, tetapi juga kestabilan dalam kehidupan seharian, termasuk dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.

Dunia hari ini menyaksikan krisis tenaga global yang semakin memuncak disebabkan oleh serangan Amerika dan sekutunya Israel

terhadap Iran. Dalam keadaan semasa, kita melihat bagaimana ada pihak-pihak yang mempunyai kekuatan besar dari segi ketenteraan dan ekonomi menggunakan pengaruh mereka untuk menentukan arah politik dunia. Dalam keadaan tertentu, tindakan tersebut telah menimbulkan ketegangan, konflik dan penderitaan yang berpanjangan.

Peristiwa peperangan yang sedang berlaku di Asia Barat sekarang ini sedang memberi kesan kepada kita semua. Peperangan mencetuskan gangguan rantaian dan bekalan tenaga di seluruh dunia dan bakal menguji ketahanan ekonomi negara.

Dalam mendepani krisis ini, matlamat utama Kerajaan adalah memastikan kebajikan rakyat dan kestabilan ekonomi negara sentiasa terjamin melalui pengekalan subsidi, keterjaminan bekalan makanan serta barangan keperluan asas. Ambillah iktibar daripada kebijaksanaan Nabi Yusuf *alaihissalam* dalam merancang ekonomi negara dan masyarakat. Allah *subhanahu wata'ala* menceritakan kisah nasihat Nabi Yusuf *alaihissalam* kepada raja melalui tafsiran mimpi baginda *alaihissalam* dalam surah Yusuf ayat 47 hingga 49 yang bermaksud:

*Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam (tuai) biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun*

*kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).*

Perancangan ekonomi berasaskan wahyu ini bukan sekadar cerita sebelum tidur, tetapi ia adalah satu pelan untuk pengurusan kewangan kita pada hari ini. Ia mendidik kita tentang berbelanja dengan berhemah, berbelanja hanya pada barang yang perlu, menabung dengan sebaiknya, dan besederhana ketika waktu kita masih 'senang', kerana apa yang kita tanam pada hari ini, menentukan apa yang kita tuai di masa akan datang. Semua ini adalah persediaan seperti payung tempat kita berlindung apabila tibanya waktu 'kemarau' kelak.

Justeru rakyat disarankan supaya bersedia dan membuat perancangan daripada sudut perbelanjaan bagi bertahan teguh dalam ketidaktentuan dan sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di samping itu, dalam mengurus kewangan, kita perlu sedar hakikat bahawa berbelanja itu bukan sekadar soal angka dan wang. Islam menekankan agar kita mendidik nafsu dan emosi. Berbelanjalah dengan berhemat, agar kita tidak menjadi hamba kepada keinginan,

tetapi menjadi hamba yang taat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Memang benar, tatkala dunia sedang bergelora dengan fitnah peperangan dan ekonomi yang meruncing, jiwa kita mungkin berasa penat dan luntur semangat untuk mendekati diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Kebergantungan kepada Allah *subhanahu wata'ala* itu pintu keluar kita di waktu kesukaran.

Walaupun kita hidup dalam zaman yang penuh pancaroba, kesabaran kita dalam menahan diri serta terus istiqamah beribadah di saat suasana kacau-bilau ini dijanjikan ganjaran yang besar, seumpama pahala berhijrah dari Makkah ke Madinah untuk bersama Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Dalam suasana dunia yang penuh kekeliruan ini, bukan sahaja fitnah peperangan yang berlaku, bahkan fitnah maklumat juga semakin berleluasa. Berita yang tidak pasti kebenarannya disebarkan tanpa usul periksa, sehingga menimbulkan kegelisahan, kebencian dan perpecahan dalam masyarakat. Sedangkan Allah *subhanahu wata'ala* telah mengingatkan kita dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (٦)

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab*

*kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

Justeru, jadilah umat yang matang, yang tidak mudah melatah, tidak cepat menghukum, dan tidak menjadi penyambung kepada berita yang belum pasti kebenarannya.

Rakyat diseru agar bersatu dalam menghadapi kesan Krisis Tenaga Global secara bersama. Perpaduan tidak akan terbina jika kita terus menyebarkan berita yang tidak sahih. Lidah dan jari kita hari ini boleh menjadi punca perpecahan jika tidak dikawal dengan iman dan amanah. Kita hendaklah berbelanja secara besederhana dan bijaksana seiring dengan cabaran kos sara hidup yang sedang dihadapi di seluruh dunia. Oleh itu, berpegang teguhlah pada tali Allah *subhanahu wata'ala* dan teruskanlah kesederhanaan dalam kebersamaan.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai iktibar daripada khutbah pada hari ini, khatib simpulkan beberapa perkara seperti berikut;

**Pertama:** Islam ialah agama sejahtera yang menganjurkan umatnya supaya sentiasa mencintai keamanan. Menjadi tanggungjawab kita mengajak manusia ke arah menjalani kehidupan yang aman dan damai.

**Kedua:** Uruskan kewangan secara berhemah. Krisis geopolitik ini menguji kestabilan ekonomi negara. Umat Islam diseru berhemah

dalam berbelanja. Jadikan Nabi Yusuf *alaihissalam* sebagai teladan dan panduan kita.

**Ketiga:** Marilah kita meneguhkan iman dengan tidak menurut emosi dan meneruskan kesederhanaan dalam kebersamaan ketika mendepani Krisis Tenaga Global sebagaimana para Sahabat diuji sebelum berhijrah ke Madinah.

**Keempat:** Umat Islam hendaklah berpegang kepada prinsip tabayyun dalam menerima dan menyebarkan maklumat. Jangan menjadi penyambung kepada fitnah, sebaliknya jadilah penyebar kebenaran dan ketenangan.

Sesungguhnya pergolakan yang sedang berlaku ini jika dipandang dari sudut positif, merupakan ujian buat orang-orang yang beriman. Yakinlah janji Allah *subhanahu wata'ala* mengubati hati orang yang beriman dengan pengkhabaran berita yang menggembirakan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 155:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ  
وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ (١٥٥)

**Maksudnya:** *Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda*

dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar:

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita mendapat berkat. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

(( أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ... ))

**Maksudnya:** *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya

membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

**Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim,** bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

**Ya Allah, Ya Ghaffaar,** ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ya Allah,** Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim,** berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

**Ya Allah, Ya Hafiz,** Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal

Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesehatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diinginkan.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.